

Sistem pengangkutan rel akan terus dimaju

UM 22 JAN 2002

GELANG PATAH 21 Jan. — Kerajaan akan terus memaju dan membangunkan sistem pengangkutan rel di negara ini termasuk rancangan pembinaan sistem rel elektrik berkembar dari Johor Bahru ke Padang Besar. Perlis.

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, walaupun rancangan itu akan memakan belanja berbilion ringgit, ia merupakan satu pelaburan jangka panjang yang secara langsung akan menyumbang kepada ekonomi negara.

"Mungkin keuntungan KTM (Keretapi Tanah Melayu Berhad) tidak besar tetapi dengan kemudahan ini ia akan mendapat nilai tambah," kata beliau ketika merasmikan pentauliahian projek sambungan rel ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, projek landasan berkembar itu dijangka memakan belanja yang besar kerana bagi projek sambungan rel dari Kulai ke PTP sejauh 31.5 kilometer itu sahaja sudah memakan belanja RM500 juta.

"Itu untuk trek tunggal, untuk trek berkembar akan melibatkan banyak bilion ringgit," jelas beliau.

Perdana Menteri berkata, kini kereta api semakin popular bukan sahaja untuk pengangkutan barangan tetapi juga untuk membawa penumpang.

Katanya, adalah jelas bahawa perkhidmatan rel boleh menjadi perkhidmatan yang sangat cekap dan oleh kerana Malaysia tidak mampu mempunyai kereta api laju sehingga 280 kilometer sejam, tetapi lama kelamaan negara mungkin boleh mempunyai perkhidmatan kereta api pada kelajuan 150 kilometer hingga 180 kilometer sejam.

Dr. Mahathir berkata, apabila sistem rel elektrik berkembar siap dibina nanti, masa perjalanan dari Singapura ke Kuala Lumpur boleh dipendekkan menjadi selama dua jam 15 minit atau dua setengah jam sahaja.

Beliau berkata, dalam menjalankan projek seumpama itu kerajaan tidak hanya memikirkan daripada segi keuntungan secara langsung terhadap operasi kereta api itu sahaja tetapi juga daripada segi kesan sampingan yang boleh diperoleh dengan mempunyai sistem rel seperti itu.

Beliau memberi contoh, walaupun penerbangan mengambil masa yang

lebih singkat berbanding perjalanan dengan kereta api untuk ke sesuatu destinasi yang sama tetapi masa yang diambil untuk menuju ke lapangan terbang dan urusan penerbangan juga agak lama.

Di lapangan terbang pula kata beliau, penumpang perlu sampai lebih awal setengah jam ataupun dua jam kerana ancaman penggasan sekarang ini mungkin memaksa penumpang terpaksa sampai di lapangan terbang dua jam lebih awal dan ditambah lagi masa perjalanan dengan teksi dari pusat bandar.

Jika dijumlahkan semua kata beliau, penumpang akan mendapati bahawa walaupun penerbangan mengambil masa yang singkat tetapi urusan untuk perjalanan mengambil masa yang agak panjang.

Dr. Mahathir berkata beliau bukannya berkempen untuk mengurangkan penggunaan penerbangan kerana Malaysia juga mempunyai syarikat penerbangan dan ingin lebih ramai rakyat menggunakannya, tetapi sekadar ingin membuat perbandingan masa dengan kereta api yang menuju terus dari satu pusat bandar ke pusat bandar lain.